



MBSJ RANGKUL ANUGERAH EMAS

AIGA 2023

m/s 25

TENGGU PERMAISURI BERKENAN HADIR

PROGRAM POTONG ROYONG

m/s 33

MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DALAM CABARAN BANDAR RENDAH KARBON 2030 (LCC 2030 CHALLENGE)

m/s 13

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023

HARGAI PEKERJA DENGAN
PENGIKTIRAFAN

m/s 36

MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

TUAN IR. ROSLI BIN
MOHAMMAD YUNUS

m/s 26





ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim,
D.S.I.S., S.M.S.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrulzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Encik Mohd Firdaus bin Mokhtar
Encik Mohd Fazly bin Naiman

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	3	GENG SUBUH MACAM JUMAAT CIPTA KELAINAN DI HARI TANPA KENDERAAN MBSJ 2024	22
MBSJ PERKENAL COCOPEAT & COCOFIBER DI HARI TERBUKA WASTE ECO PARK MBSJ	4	MBSJ TERIMA PENGIKTIRAFAN DIAMOND	23
OPERASI BERSEPADU PENUTUPAN TAPAK TAMBAKAN SAMPAH DAN SISA BINAAN	4	20 SYARIKAT LUANG MASA SERTAI SESI LIBAT URUS	23
SESI LIBAT URUS BERSAMA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA KETUA JABATAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR	5	KAUNTER PADU DIBUKA BERI KEMUDAHAN	24
SESI LIBAT URUS BERSAMA MANGSA TANAH RUNTUH JALAN WAWASAN 3/9, PUCHONG, SELANGOR.	5	ADN KINRARA TURUN PADANG SERTAI PROGRAM WALKABOUT MBSJ BANTU DIDIK PENIAGA	24
PROGRAM KESEDARAN PENDIDIKAN HIV & AIDS TINGKAT PENGETAHUAN SERTA KESEDARAN PESERTA	6	MBSJ RANGKUL ANUGERAH EMAS AIGA 2023	25
MBJB CONTOHI MBSJ PELAJARI AMALAN TERBAIK PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN ISLAM MBSJ	6	MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH TUAN IR. ROSLI BIN MOHAMMAD YUNUS	26
MBSJ SOKONG KEMPEN 100 JUTA PENANAMAN POKOK ANJUR PROGRAM PLEDGE & PLANT A TREE (PAPAT)	7	KEM INOVASI CUNGKIL IDEA BARU	27
28 ORANG WARGA KERJA MBSJ TERIMA SURAT KENAIKAN PANGKAT SERTA LANTIKAN KAKITANGAN BARU	8	BERGANDING BAHU PASTIKAN KEBERSIHAN PERKUBURAN MBSJ	27
KUNJUNGAN HORMAT YB ADN SUBANG JAYA KE MBSJ	8	WARNA-WARNI KOMUNITI	29
PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ YANG PERTAMA BAGI TAHUN 2024	9	MASYARAKAT PELBAGAI KAUM MERIAHKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MBSJ 2024	31
23 ORANG AHLI MAJLIS MBSJ ANGKAT SUMPAAH 9	9	TINDAKAN SERTA MERTA MBSJ SITA BARANGAN PENJAJA WARGA ASING	32
MAJLIS APRESIASI MAKSAT SELANGOR TAHUN 2023 RAI PARA ATLET DAN PASUKAN	10	SESI AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU 2024 21 JABATAN DALAMAN MBSJ BERI KOMITMEN	32
PASUKAN RAGBI MBSJ BUAT COMEBACK SELEPAS 2 DEKAD LEBIH MENYEPI	10	MBSJ TERIMA LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	33
ANJUR PROGRAM TAKLIMAT TINGKAT KEFAHAMAN	11	PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ BIL 3/2024 DIHOSKAN OLEH JABATAN PERANCANGAN BANDAR	33
MBSJ RAI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK, HARGAI JASA BANTU MASYARAKAT	12	EDISI 03 - PENGANJURAN FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PENGHASILAN LAPORAN VOLUNTARY LOCAL REVIEW (VLR) & SDG'S SUBANG JAYA CITY ROADMAP	34
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2024 BERSAMA YB TUAN NGA KOR MING	14	TENGKU PERMAISURI BERKENAN HADIR PROGRAM POTONG ROYONG	35
UNDIAN PETAK BAZAR RAMADAN MBSJ BERJALAN LANCAR	14	JALAN SAMBUNG DI ANTARA PERSIARAN TAMAN PERINDUSTRIAN KINRARA DAN JALAN BK 5B, PUCHONG DIBUKA BERI MANFAAT KEPADA PENDUDUK SETEMPAT ATASI KESESAKAN LALULINTAS	36
SESI LIBAT URUS MBSJ BERSAMA LHDN NEGERI SELANGOR	15	MBSJ PRIHATIN KESIHATAN PEKERJA, ANJUR PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA	36
MBSJ DIKTIKRAF BANDAR KOMUNITI BAHAGIA SEMPENA HARI KEBAHAGIAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024	15	DATUK BANDAR MBSJ DEKATI MASYARAKAT DI BAZAR RAMADAN USJ 4	37
MBSJ KONGSI REZEKI RAMADAN SANTUNI 60 ANAK YATIM DAN ASNAF BELI KELENGKAPAN RAYA	16	MBSJ SAMBUT DELEGASI MPKJ	38
PASUKAN PANTAS BERUSAHA KERAS TANGANI BENCANA	17	MBSJ TERIMA LAWATAN ANTARABANGSA DARIPADA DELEGASI GUNWI COUNTY COUNCIL, KOREA	38
530 WARGA ASING TERMASUK 11 WANITA DIPERIKSA DALAM OPERASI	18	MBSJ TERIMA LAWATAN KERJA DARIPADA PERBADANAN LABUAN	39
PERKENAL AHLI MAJLIS BARU KEPADA KAKITANGAN MBSJ	18	LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG MBSJ KONGSI AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KAWALAN PERNIAGAAN DAN PELESENAN	39
ROUNDABOUT @ PUTRA HEIGHTS LUBUK MAKAN BARU JANA EKONOMI SETEMPAT	19		
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 HARGAI PEKERJA DENGAN PENGIKTIRAFAN	20		



Pada 15 Januari 2024 telah berlangsung Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari bersama Penjawat Awam Negeri Selangor bertempat di Auditorium, Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor diiringi oleh YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor dan YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ beserta Ketua-Ketua Jabatan MBSJ turut hadir di dalam majlis tersebut.

Semasa majlis berlangsung telah diadakan tayangan Montaj Sorotan Pencapaian Negeri Selangor bagi Tahun 2023 dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan Amanat dan Pelan Rancangan Pembangunan Negeri Tahun Baharu 2024.

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MBSJ dari pasukan Corp Dynamic, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik juga turut menerima penghargaan atas kejayaan merangkul 'Gold Award' dalam pertandingan peringkat antarabangsa di International Convention on Quality Control Circles 2023 (ICQCC) yang ke-48 bertempat di Beijing, China.

Turut diadakan Sesi Penyerahan sijil MYIPO untuk pengiktirafan Wau Kapal sebagai petunjuk Geografi Negeri Selangor serta Sesi Penyerahan Insentif penghargaan kepada jabatan /pejabat pemungut hasil bagi prestasi kutipan hasil 2023.

Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 YAB Dato' Menteri Besar Selangor





Operasi Bersepadu Penutupan Tapak Tambakan Sampah dan Sisa Binaan



MBSJ sentiasa berusaha untuk memastikan kawasan pentadbirannya bebas dari permasalahan lambakan sampah dan sisa binaan yang mengakibatkan masalah kepada persekitaran, kesihatan dan keselamatan orang awam.

Justeru itu, MBSJ telah menjalankan Operasi Tindakan Penguatkuasaan Penutupan Tapak Tambakan Sampah dan Sisa Binaan pada 3 Januari 2024 di beberapa lokasi iaitu di

Dewan Badminton, Taman Bukit Serdang, Jalan BS 11/4 dan Jalan BS 5/18, Taman Bukit Serdang serta di Jalan Raya 2, Taman Serdang Jaya, Seri Kembangan, Selangor.

Operasi ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama anggota jabatan-jabatan MBSJ serta kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 4 operasi

penutupan tapak tambakan sampah dan sisa binaan telah dijalankan oleh MBSJ.

MBSJ memandang serius permasalahan ini dan menyeru orang ramai untuk menyalurkan sebarang aduan berkenaan aktiviti yang menyalahi atau melanggar peraturan MBSJ di laman sesawang <https://www.mbsj.gov.my/ms/saluran-aduan> atau menghubungi Pusat Kawalan Subang Jaya di talian 03-80247700.

MBSJ Perkenal Cocopeat & Cocofiber

di Hari Terbuka Waste
 Eco Park MBSJ



Komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengambil pendekatan mengamalkan kitar semula dalam pengurusan pentadbirannya. Justeru itu, MBSJ telah mengadakan Hari Terbuka Waste Eco Park MBSJ pada 10 Januari 2024 bertempat di Waste Eco Park MBSJ, Jalan TS 6/10, USJ 1, Subang Jaya dalam usaha menyebarkan lagi amalan kitar semula.

Pelbagai pengisian telah dilaksanakan dalam program ini antaranya seperti Taklimat Mengenai Projek Eco Waste MBSJ, Demonstrasi Penguraian Kelapa, Taklimat dari Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Demonstrasi Penggunaan Cocopeat & Cocofiber, pameran kitar semula/kompos serta jualan produk organik MBSJ.



YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut berkesempatan menyaksikan demonstrasi mesin penguraian sisa kelapa di Waste Eco Park MBSJ. Waste Eco Park MBSJ merupakan tapak pengurusan sisa kelapa yang **pertama** di Negeri Selangor.



Sehingga Disember 2023, sebanyak 483,699kg sisa kelapa telah dikutip dan pihak Majlis telah menghasilkan sebanyak 35,789kg produk cocofiber dan 6,784.1kg produk cocopeat.

Sesi Libat Urus Bersama Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Ketua Jabatan Pentadbiran Negeri Selangor




Ketua-ketua Jabatan Pentadbiran Negeri Selangor telah berhimpun dalam satu Sesi Libat Urus YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor yang berlangsung pada 6 Januari 2024 bertempat di The Saujana Hotel.

Sesi Libat Urus ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar beserta Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik, MBSJ.

Dalam sesi libat urus ini, Datuk Bandar MBSJ turut berkesempatan memberikan taklimat mengenai perancangan pembangunan serta hala tuju MBSJ dalam



memastikan bandar raya ini akan terus mampan dan lestari sekaligus memberikan impak yang positif kepada Kerajaan Negeri Selangor.



Sesi Libat Urus Bersama Mangsa Tanah Runtuh Jalan Wawasan 3/9, Puchong, Selangor.



MBSJ sentiasa komited dalam memastikan keselamatan penduduk terpelihara terutamanya di kawasan terjejas bencana. Justeru itu, MBSJ telah mengadakan sesi libat urus bersama penduduk di Jalan Wawasan 3/9, Puchong, Selangor yang terjejas dengan tragedi tanah runtuh tahun lalu.

Sesi libat urus ini telah diadakan pada 8 Januari 2024 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ dan telah diorganisasikan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBrs.

Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Ketua Jabatan serta pihak konsultan yang telah dilantik bagi kerja-kerja penambahbaikan di lokasi yang terjejas.

Dalam sesi libat urus ini, kesemua yang terlibat telah diberikan taklimat dan maklumbalas terkini berkenaan status kerja-kerja pemulihan di tapak serta perancangan pada masa akan datang. Datuk Bandar MBSJ juga turut meluangkan masa bertemu juga menyantuni sendiri penduduk yang terjejas dengan tragedi tersebut.





MBJB Contohi MBSJ Pelajari Amalan Terbaik Pengurusan Tanah Perkuburan Islam MBSJ

Delegasi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah hadir ke Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 9 Januari 2024 dengan hasrat mempelajari amalan terbaik Pengurusan Tanah Perkuburan Islam MBSJ.

MBSJ berbesar hati menerima lawatan penanda arasan yang diketuai oleh Encik Noryadi bin Muhammad, Ketua Penolong Pengarah, Perancangan Pembangunan (Kawalan Perancangan), MBJB.

Dalam lawatan tersebut, para delegasi telah mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh

Encik Ismail bin Salim, Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ bersama pegawai-pegawai jabatan beliau.

Semoga perkongsian ini akan dapat memberikan impak pelaksanaan secara holistik dalam Pengurusan Tanah Perkuburan Islam secara sistematik dan bakal diaplikasikan di Tanah Perkuburan Islam, Negeri Johor Darul Ta'zim.



Program Kesedaran Pendidikan HIV & AIDS Tingkat Pengetahuan Serta Kesedaran Peserta



Seramai 103 orang pegawai dan kakitangan MBSJ telah terlibat dalam Program Kesedaran Pendidikan HIV & AIDS dalam komuniti yang dianjurkan hasil kolaborasi strategik MBSJ bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama-sama dengan Persatuan Kesejahteraan Rakyat Malaysia (PKRM) pada 10 Januari 2024 bertempat di Dewan Kenanga, MBSJ.

Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut serta YBhg. Profesor Dr. Kadaruddin bin Aiyub, Dekan Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta pegawai Majlis.

Antara pengisian program pada kali ini adalah penyampaian taklimat serta pameran berkaitan penyakit HIV dan AIDS

dari Kuala Lumpur AIDS Support Services Society (KLASS).

Adalah diharapkan dengan penganjuran program seperti ini akan dapat memberikan kesedaran awal tentang bahaya HIV dan AIDS serta mendidik peserta terlibat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan sekaligus memupuk rasa keinsafan di kalangan peserta.

MBSJ Sokong Kempen 100 Juta Penanaman Pokok

Anjur Program
*Pledge & Plant
A Tree (PAPAT)*



Bagi menyahut seruan Kerajaan melalui Kempen 100 Juta Penanaman Pokok serta aspirasi Kerajaan Negeri Selangor ke arah mengurangkan karbon (CO₂) sebanyak 45% dan menjadi Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2030, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Malaysia Institute of Planners (MIP) telah menganjurkan Program Pledge & Plant A Tree (PAPAT) bertempat di Tanah Lapang Awam BK 3/1, Bandar Kinrara, Puchong pada 13 Januari 2024.

Program ini berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik bersama tujuh (7) pemaju perumahan iaitu Perumahan Kinrara Berhad, Villamas Metacity Sdn. Bhd., Flora Development Sdn. Bhd., Trinity Group Sdn. Bhd., Glomac Alliance Sdn. Bhd., Hillcrest Garden Sdn. Bhd. dan UEM Sunrise Berhad yang telah terlibat sebagai penaja korporat.

Majlis telah disempurnakan oleh YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara. Turut serta YBhg. Datin TPr. Hj. Noraida binti Saludin, Presiden Malaysian Institute of Planners (MIP) beserta TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar, MBSJ.

Dalam program tersebut, sebanyak 35 batang pokok dari tujuh (7) jenis spesies yang berbeza iaitu Rantai Emas, Kiara Payung, Cempaka Putih, Bungor, Black Rosewood, Tekoma dan Tembusu telah ditanam oleh tetamu kehormat, wakil-wakil pemaju, wakil penduduk serta kakitangan Majlis.



Kunjungan Hormat

YB ADN Subang Jaya Ke MBSJ



YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya bertempat di Pejabat Datuk Bandar MBSJ pada 4 Januari 2024 yang lalu.

Kunjungan hormat selama sejam ini merupakan simbolik hubungan

kerjasama yang baik di antara Pihak Berkuasa Tempatan bersama Ahli Dewan Negeri Selangor.

Dalam kunjungan pada kali ini turut dibincangkan mengenai jalinan kerjasama, isu-isu berbangkit serta penyelesaian permasalahan bandar raya yang perlu diatasi bagi kepentingan komuniti setempat.



28 Orang Warga Kerja MBSJ Terima Surat Kenaikan Pangkat Serta Lantikan Kakitangan Baru



Seramai 28 orang kakitangan MBSJ telah menerima surat kenaikan pangkat secara hakiki dan 'Time-Based' beserta lantikan kakitangan baharu (lantikan Julai sehingga Disember 2023) dalam majlis yang telah berlangsung pada 5 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam majlis tersebut, YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa menyempurnakan majlis serta menyantuni kakitangan yang terlibat. Turut serta, YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Syabas kepada semua yang terlibat dan semoga dapat mengekalkan momentum kerja yang cemerlang serta berusaha dengan gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan.

KAKITANGAN YANG MENERIMA SURAT KENAIKAN PANGKAT:

1. Puan Emilia binti Nasir
Pegawai Tadbir
2. Puan Mazlina binti Mustafa
Pegawai Kawalan Alam Sekitar
3. Puan Norfazilah binti Tayet
Pembantu Tadbir
4. YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Pegawai Tadbir
5. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Pegawai Kesihatan Persekitaran
6. Encik Shaifulludin bin Yahya
Jurutera
7. Encik Mohd Shahuddin bin Baharom
Penolong Pegawai Tadbir
8. Encik Azli bin Idris
Pembantu Tadbir
9. Encik Khairul Anwar bin Abdul Razak
Pembantu Tadbir
10. Encik Mohd Azad Azry bin Mat Khalib
Pelukis Pelan
11. Encik Azizul Azwan bin Amran
Pembantu Penguatkuasa
12. Encik Azmir bin Sulaiman
Pembantu Penguatkuasa
13. Encik Faizal bin Harun
Pembantu Penguatkuasa

14. Encik Mat Sobri bin Hassan
Pembantu Penguatkuasa
15. Encik Mohd Firdaus bin Mohd Shukor
Pembantu Penguatkuasa
16. Encik Mohd Hizwan bin Zakaria
Pembantu Penguatkuasa
17. Encik Mohd Khairul bin Othman
Pembantu Penguatkuasa
18. Encik Rais bin Sulaiman
Pembantu Penguatkuasa
19. Puan Norhasleza binti Husin @ Husain
Pembantu Penguatkuasa
20. Puan Shuhana binti Murjaman
Pembantu Penguatkuasa
21. Puan Faradiyatul Liana binti Abu Samah
Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar

PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHARU LANTIKAN JULAI SEHINGGA DISEMBER 2023 ADALAH:

1. Puan Izzah Nurasyiqin binti Md Isa
Penolong Jurutera
2. Puan Umi Baizura binti Mohd Noh
Penolong Juruaudit
3. Puan Norsalasiah binti Saibani
Pembantu Tadbir
4. Puan Nurain binti Abdullah
Pembantu Tadbir
5. Puan Sarah Munirah binti Abd Rahman
Penolong Pegawai Tadbir
6. Encik Muhamad Hakim bin Zainudin
Penolong Pegawai Pertanian



Perhimpunan Bulanan MBSJ Yang Pertama Bagi Tahun 2024

Perhimpunan Bulanan MBSJ yang pertama bagi tahun 2024 telah berlangsung pada 17 Januari 2024 yang dihoskan oleh Jabatan Undang-Undang bertempat di Arena MBSJ.

Perhimpunan kali ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama Ketua-Ketua Jabatan serta warga kerja MBSJ.

Dalam ucapannya semasa perhimpunan kali ini, Datuk Bandar MBSJ menyeru seluruh warga kerja MBSJ sentiasa memainkan peranan masing-masing

dalam menjalankan amanah dengan baik terutamanya dari segi kutipan hasil yang mampan, pembangunan dan pengurusan infrastruktur yang baik, penguatkuasaan yang berintegriti, perkhidmatan teknologi maklumat yang efisien serta pembangunan komuniti yang inklusif dan berkualiti. Selain itu semua warga kerja turut diingatkan untuk peka dan saling bekerjasama dalam menyelesaikan aduan bandaraya secara efisien dan cekap.



Dalam majlis yang sama, turut diadakan majlis penyampaian hadiah atas kejayaan kombo MBSJ yang merangkul gelaran Johan dalam Pertandingan 'Battle of The Band' di Festival Anak Seni MAKSAK (FASIM) 2023.



Seramai 23 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah serta menandatangani watikah pelantikan sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi penggal 2024 - 2025 pada 18 Januari 2024 bertempat di Laman Kenanga, Ibu pejabat MBSJ.

Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan Ahli Majlis MBSJ bagi Penggal 2024-2025 ini telah dilaksanakan di hadapan YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ dan disertai YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Pelantikan Ahli Majlis ini adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025. Dalam sesi lantikan tahun 2024 kali ini, sebanyak 6 orang Ahli Majlis merupakan Ahli Majlis Baru manakala 16 orang Ahli Majlis merupakan lantikan semula.

23 Orang Ahli Majlis MBSJ Angkat Sumpah



Adalah diharapkan barisan Ahli Majlis yang dilantik dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komited, amanah, jujur, ikhlas dan penuh harmoni serta menjadikan "Subang Jaya Gemilang Bersama" serta "Bandaraya Mampan yang Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman".



SILA IMBAS KOD QR
UNTUK SENARAI AHLI MAJLIS 2024-2025



Majlis Apresiasi MAKSAK Selangor Tahun 2023 Rai Para Atlet dan Pasukan



Majlis Apresiasi MAKSAK Selangor Tahun 2023 telah diadakan pada 16 Januari 2024 bertempat di Ballroom, Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Yang Dipertua MAKSAK Selangor. Turut hadir memeriahkan majlis ini adalah YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Majlis apresiasi ini diadakan bagi meraikan para atlet dan pasukan yang mewakili Selangor ke MAKSAK GAMES Tahun 2023 di mana negeri Selangor telah menjadi johan keseluruhan dengan 190 mata. Daripada 36 acara yang disertai, Selangor telah menjadi johan dalam 10 acara, naib johan dalam 5 acara dan ketiga bersama dalam 9 acara.

Majlis ini turut diserikan dengan persembahan kombo MBSJ yang turut berjaya merangkul gelaran Johan semasa Pertandingan 'Battle of The Bands' di Festival Anak Seni MAKSAK (FASIM) 2023.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pasukan dan para atlet MBSJ yang telah menyumbang kepada mata Negeri Selangor.



PASUKAN RAGBI MBSJ Buat 'Comeback' Selepas 2 Dekad Lebih Menyepi



Pengurusan tertinggi MBSJ sentiasa komited dalam menyokong warga MBSJ baik dari aspek pengurusan kerja mahupun sukan.

Justeru itu, pada 19 Januari 2024 telah diadakan perjumpaan Pengurusan Tertinggi MBSJ bersama Kelab Ragbi MBSJ (MBSJ Knights). Dalam perjumpaan tersebut, Datuk Bandar bersama Timbalan Datuk Bandar

telah meluangkan masa menyantuni serta menyampaikan amanat dan kata-kata semangat kepada mereka. Turut diadakan majlis 'Soft Launch' jersi rasmi MBSJ Knights semasa perjumpaan tersebut.

Syabas diucapkan kepada mereka yang terlibat dan semoga MBSJ Knights akan berjaya memperoleh kemenangan dalam pertandingan akan datang.





Anjur Program Taklimat Tingkat Kefahaman



MBSJ telah menganjurkan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ 2024 selama tiga hari bermula 27 – 29 Februari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Puchong Indah.

Program ini dilaksanakan dengan tujuan mengingatkan para peniaga mengenai

syarat-syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi serta menerangkan mengenai pengendalian makanan dengan cara baik dan efektif, mengalakkan aktiviti kitar semula serta pengurusan sisa yang cekap.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB.Tuan Abbas Salimi Bin Che Adzmi @ Azmi, ADN Seri Serdang bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Majlis ini turut dihadiri oleh rakan sinergi serta para peniaga bazar Ramadan MBSJ.

Pada tahun ini, MBSJ telah menyediakan sebanyak 25 lokasi Bazar Ramadan yang melibatkan 1,560 petak iaitu 6 lokasi di Subang Jaya, 2 lokasi di Kinrara, 8 lokasi di Puchong, 2 lokasi di Putra Heights serta 7 lokasi di Serdang dan Seri Kembangan.



MBSJ Rai Majlis Perwakilan Penduduk, Hargai Jasa Bantu Masyarakat



Bagi menghargai komitmen serta kerjasama yang telah diberikan oleh Majlis Perwakilan Penduduk, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ 2023 pada 19 Januari 2024 bertempat di The Summit Hotel, Subang Jaya.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara. Turut serta YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ dan YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

MBSJ juga turut berbesar hati apabila majlis ini turut dihadiri YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, YB Tuan Abbas Salimi bin Che Adzmi @ Azmi, Ahli Dewan Negeri Seri Serdang, YB Wong Siew Ki, Ahli Dewan Negeri Seri kembangan, YB Tuan Preakas a/l Sampunathan, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning serta YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya.

Sebanyak 8 kategori anugerah yang telah dinilai bagi tahun 2023 telah disampaikan kepada pemenang semasa Majlis berlangsung. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir dan Tahniah diucapkan kepada para pemenang!





1. ANUGERAH PROGRAM KEMASYARAKATAN MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 18 MEHANATAN A/L EMBAMURTHI
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 10 NG SEOW CHEN

2. ANUGERAH PENGURUSAN PROJEK KOMUNITI MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 2 TAH YAP KEONG
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 7 MOHD TARMIZI BIN LAZIM
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM

3. ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU SANDAYAN
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 1 CHIA YEW KEN

4. ANUGERAH PROGRAM ALAM SEKITAR MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 3 LEE JEN UYIN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG

5. ANUGERAH PENGURUSAN PENTADBIRAN MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 8 KAMARUL HAFIZ BIN KAMARUDIN
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 10 NG SEOW CHEN

6. ANUGERAH MPP MBSJ INOVATIF TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 3 LEE JEN UYIN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 10 NG SEOW CHEN

7. ANUGERAH PANGSAPURI DAN KAMPUNG ANGKAT MPP MBSJ TERBAIK 2023

KEDUDUKAN	HADIAH	NAMA PANGSAPURI / KAMPUNG	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI MELUR TAMAN PUCHONG PRIMA	ZON 14 AHMAD DANISH BIN HAIRUDIN
TEMPAT KE-2	RM 2,000.00 + PLAK + SIJIL	PANGSAPURI ANGSANA BLOK A & B	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-3	RM 1,000.00 + PLAK + SIJIL	RPKR BLOK A-F JALAN SS19 SUBANG JAYA	ZON 1 CHIA YEW KEN

8. KATEGORI : KEPUTUSAN 2023 ANUGERAH MPP MBSJ TERBAIK KESELURUHAN

KEDUDUKAN	HADIAH	MPP
TEMPAT PERTAMA	RM 10,000.00 + PIALA + SIJIL	ZON 4 Ar. KAMARUL HISHAM BIN HJ. YEOP HASHIM
TEMPAT KE-2	RM 5,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 24 THAMILARUSU SANDAYAN
TEMPAT KE-3	RM 3,000.00 + PLAK + SIJIL	ZON 16 YAP KOK WENG



Majlis Amanat Tahun Baharu 2024

Bersama YB Tuan Nga Kor Ming



YB Tuan Nga Kor Ming telah menyampaikan Amanat Tahun Baru 2024 pada 23 Januari 2024 bertempat di Dewan Kristal, Ibu Pejabat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Majlis ini juga telah disiarkan secara siaran langsung menerusi Facebook Rasmi KPKT di mana pihak pengurusan tertinggi serta pegawai-pegawai MBSJ turut bersama mengikuti majlis ini secara atas talian bertempat di Learning Centre, Aras 3, Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam ucapannya, YB Menteri telah menyampaikan amanat agar warga kerja perlu sentiasa jelas bahawa falsafah kepimpinan adalah berlandaskan Rukun Negara. Beliau juga menyatakan mengenai empat (4) fokus utama bagi tahun 2024 iaitu:

- i. Mengutamakan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni, selesa dan selamat.
- ii. Menyediakan infrastruktur yang dapat meningkatkan kebahagiaan rakyat. Sebanyak 5,196 projek prasarana awam telah siap dibina pada tahun 2023 dan sasaran lebih 5,000 projek akan dilaksanakan pada tahun 2024 dengan peruntukkan sebanyak RM784 juta. Selain itu, inisiatif tandas BMW iaitu Bersih, Menawan dan Wangi akan terus dipergiatkan dengan pelaksanaan tandas pintar (smart toilet).
- iii. Perancangan bandar yang lestari. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan National Circular Economy Council (NCEC) dan bakal dipengerusikan oleh KPKT.
- iv. Mewujudkan Kerajaan Tempatan yang responsif dan disenangi oleh rakyat. Bagi mengukuhkan fungsi Kerajaan Tempatan, KPKT mensasarkan pelaksanaan 'One Stop Centre' (OSC) 3.0 Plus di Pihak Berkuasa Tempatan yang bertaraf bandar raya dan majlis perbandaran. OSC online merupakan sistem elektronik untuk membuat penyerahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan yang melibatkan pemohon seperti perancang bandar, arkitek dan jurutera.

Selain itu juga, beliau turut memberi arahan bagi mengekalkan warisan sejarah agar ianya tidak dilupakan seta mengenakan larangan menebang pokok selaras dengan prinsip persekitaran mampan kecuali pokok yang membahayakan keselamatan awam.

YB Menteri juga turut memberi penekanan kepada kepentingan kerjasama yang kuat dalam pasukan dan warga kerja perlu berganding bahu mencapai kecekapan dan kualiti yang tinggi melalui tiga elemen utama penentu kejayaan iaitu:

- i. Perancangan tersusun
- ii. Pelaksanaan yang cepat; dan
- iii. Pelan komunikasi berkesan.

Setiap warga kerja juga perlu mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan agar organisasi terus cemerlang.



Undian Petak Bazar Ramadan MBSJ Berjalan Lancar



Dalam memastikan integriti dalam pengurusan permohonan permit Bazar Ramadan, MBSJ telah mengadakan Sesi Cabutan Undi Petak Bazar Ramadan MBSJ 2024 / 1145H bertempat di Learning Centre, MBSJ pada 22 dan 26 Januari 2024.

Pada tahun ini, sebanyak 25 lokasi bazar ramadan telah disediakan dan sebanyak 1,168 permohonan telah diterima. Untuk makluman, hanya 14 lokasi bazar ramadan sahaja yang terlibat dalam sesi cabutan undi petak bazar pada kali ini.

Sesi Cabutan Undi Petak telah dijalankan oleh 2 Ahli Majlis dan panel pemerhati dari Unit Integriti MBSJ.



Sesi Libat Urus MBSJ Bersama LHDN Negeri Selangor



Sesi Libat Urus Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah diadakan pada 31 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah hadir ke sesi ini serta menyantuni wakil-wakil dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Selangor (LHDN).

Wakil LHDN yang hadir semasa sesi berlangsung adalah Puan Norfaidah binti Daud, Pengarah LHDN Negeri Selangor, Encik Mathan a/I Kaliapan, Pengarah Operasi Negeri Seksyen Risikan serta Encik Faisal bin Ibrahim, Pengarah Operasi Negeri Seksyen Khidmat Pelanggan. Turut serta pegawai-pegawai LHDN Negeri Selangor dan Ketua-ketua Jabatan MBSJ.



Dalam sesi perjumpaan kali ini, telah dibincangkan mengenai kerjasama kolaboratif yang akan dilaksanakan pada masa akan datang termasuk mengenai

cukai pendapatan kakitangan serta promosi program khas pengakuan sukarela 2.0 LHDN.

MBSJ Diiktiraf Bandar Komuniti Bahagia Sempena Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024



Satu pencapaian yang seharusnya dibanggakan oleh penduduk Bandar Raya Subang Jaya apabila Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming memberi pengiktirafan Bandar Paling Bahagia 2024 pada 15 Mac 2024.

YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menerima anugerah tersebut di dalam Majlis Sambutan Bandar Komuniti Bahagia sempena Hari Kebahagiaan Sedunia (International Day of Happiness) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada bertempat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya.

Anugerah yang diterima oleh MBSJ adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan hubungan kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat.

Dimaklumkan bahawa Malaysia tersenarai tangga ke-55 paling bahagia di dunia (tahun 2023) dengan skor indeks 6.012. Kedudukan ini menunjukkan peningkatan



15 tangga berbanding tahun 2022 di mana Malaysia berada di kedudukan ke-70 dan ke-81 pada tahun 2021. Di Asia Tenggara pula, Malaysia berada di tempat kedua selepas Singapura dan ke-9 di Asia."

Sebanyak 144 PBT di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan), Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Kajian Indeks Kebahagiaan ini iaitu 102 bandar (71%) mencapai status bahagia dan 42 bandar (29%) mencapai status sederhana bahagia.

MBSJ mengucapkan tahniah dan syabas kepada komuniti Bandar Raya Subang Jaya.





MBSJ Kongsi Rezeki Ramadan Santuni 60 Anak Yatim dan Asnaf Beli Kelengkapan Raya



Berkongsi rezeki dan serta prihatin nasib golongan memerlukan, MBSJ bersama Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MBSJ dan Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) MBSJ telah berkesempatan merayakan 60 anak yatim dan asnaf dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong bertempat di MYDIN Mall, Subang Jaya pada 21 Mac yang lalu.

Dalam program ini, YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan Tuan Ar Kamarul Hisham bin Haji Yeop Hashim, Ahli Majlis MBSJ MPP ZON 4 turut serta menyantuni sekaligus menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim yang diraikan.

Program ini merupakan inisiatif MBSJ dalam melaksanakan tanggungjawab majlis ke atas golongan memerlukan khususnya bagi persediaan menyambut syawal yang bakal menjelang.

Program ini juga bagi merealisasikan matlamat pembangunan mampan (SDG) iaitu SDG 1 (tiada kemiskinan), SDG 2 (kelaparan sifar) dan SDG 11 (bandar dan masyarakat mampan).

Setiap mereka menerima sejumlah RM250 bagi pembelian keperluan Aidilfitri dan duit raya bernilai RM50, selain produk barangan makanan sumbangan Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd.



Adalah diharapkan semua inisiatif MBSJ ini dapat membantu meringankan beban dalam menyambut bulan Ramadan dan Sambutan Perayaan Aidilfitri pada tahun ini.

Terima kasih diucapkan kepada Datuk Wira (Dr) Haji Ameer Ali Mydin, Managing Director, Mydin Mohamaed Holdings Berhad bersama wakil Mamee Double Decker (M) Sdn Bhd kerana turut meluangkan masa dan memberi kerjasama dalam menjayakan program pada hari ini.



Pasukan PANTAS

Berusaha Keras Tangani Bencana



Hujan lebat yang disertai angin kencang serta ribut petir telah menyebabkan Bilik Gerakan Bencana MBSJ menerima beberapa panggilan kecemasan pada 2 Februari 2024 di beberapa lokasi di sekitar kawasan pentadbiran MBSJ.

MBSJ telah menggerakkan anggota Pasukan PANTAS MBSJ bagi melaksanakan kerja-kerja pemulihan di kawasan terlibat.

Dalam menangani bencana tersebut, MBSJ turut mendapat kerjasama dari pelbagai agensi keselamatan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba & Penyelamat

Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Kontraktor MBSJ serta penduduk setempat yang turut sama membantu.

Orang awam di bawah kawasan pentadbiran MBSJ boleh menghubungi Pusat Kawalan & Panggilan (Command Center) MBSJ di talian 03-8024 7700 bagi melaporkan sebarang aduan kecemasan & bencana.

SENARAI LOKASI BENCANA:

BANJIR KILAT

1. Jalan Layang-Layang, Bandar Puchong Jaya
2. Sunway Utama, Bandar Sunway

POKOK TUMBANG

1. Jalan Bandar 7, 12 dan 14, Taman Puchong Jaya
2. Jalan Mawar 1, Taman Puchong Perdana
3. Sekolah Kebangsaan Puchong Utama
4. Jalan Lingkaran Putra Prima
5. Persiaran Puchong Utama
6. Jalan 10/2, Taman Puchong Utama
7. Jalan Bandar Perindustrian Puchong

530 Warga Asing Termasuk 11 Wanita Diperiksa Dalam Operasi



Seramai 530 warga asing termasuk 11 wanita telah diperiksa dalam satu Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor pada 3 Februari 2024.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut serta di dalam operasi tersebut yang telah dilaksanakan dengan kerjasama dari agensi keselamatan lain seperti Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Hasil pemeriksaan mendapati, terdapat warga asing yang melakukan kesalahan tiada pas yang sah, salah guna pas serta tinggal lebih masa dan kesemua pesalah telah dikenakan tindakan di bawah di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta yang sama serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

MBSJ juga turut menjalankan pemeriksaan di lokasi dan berjaya mengesan wujudnya kegiatan menyewakan tapak dan lesen



perniagaan kepada warga asing. Daripada 384 tapak perniagaan bahan mentah di pasar itu, lebih 10 gerai dikesan diusahakan peniaga warga asing.

Sehubungan dengan itu, pihak MBSJ akan mengenal pasti pemilik lesen untuk tindakan pembatalan lesen serta melaksanakan pemantauan secara berkala

bagi memastikan kesalahan tersebut tidak berulang.

Untuk rekod, katanya, sebanyak 11 operasi dijalankan sejak 2019 dan 161 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Perkenal Ahli Majlis Baru Kepada Kakitangan MBSJ



Barisan Ahli Majlis Bagi Penggal 2024-2025 telah diperkenalkan kepada semua warga kerja MBSJ semasa berlangsungnya Perhimpunan Bulanan Bil 2/2024 pada 7 Februari 2024 bertempat di Arena, MBSJ.

Perhimpunan Bulanan pada kali ini telah dihoskan oleh Jabatan Perbandarahan dan Jabatan Hasil serta telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBSJ.

Dalam perhimpunan kali ini, Datuk Bandar telah menyampaikan ucapan dan mengucapkan syabas atas prestasi lebihan hasil sebanyak RM14.2 juta pada

tahun 2023. Seterusnya telah diadakan sesi pengenalan Ahli Majlis baru kepada kakitangan MBSJ.

Dalam majlis yang sama juga, turut diadakan penyampaian hadiah atas kejayaan pemain Karom MBSJ yang telah merangkul Johan dalam Kejohanan Karom Terbuka Piala Wan Ariff serta sesi penyampaian sijil anugerah warga contoh.



Roundabout @ Putra Heights Lubuk Makan Baru Jana Ekonomi Setempat



Dari kawasan hijau yang terbiar, kini bertukar menjadi hub perniagaan setempat yang kondusif dan menjadi penggerak ekonomi setempat. Roundabout @ Putra Heights, kini menjadi lokasi tumpuan warga kota sebagai lokasi riadah dan lubuk makan baru kepada pengunjungnya.

Majlis Perasmian Tapak Niaga Roundabout@ Putra Heights telah diadakan pada 2 Februari 2024 bertempat di Dataran MPP Zon 7, Jalan Putra Mahkota 7/4, Putra Heights, Subang Jaya yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Preakas a/I Sampunathan, ADN Kota Kemuning.

Tapak Roundabout@Putra Heights kini beroperasi pada setiap hari Khamis hingga Ahad dari jam 5.00 petang hingga 12.00 malam dengan menyajikan pelbagai jenis menu makanan dan minuman serta persembahan busking.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023

Hargai Pekerja Dengan Pengiktirafan



Seramai 116 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diraikan dalam satu majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 yang telah berlangsung pada 8 Mac 2024 bertempat di Grand Ballroom, Summit Hotel, Subang Jaya, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato'Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah ahli-ahli majlis, warga kerja serta penerima yang diraikan.

Penganjuran majlis ini merupakan pengiktirafan kepada warga kerja MBSJ atas sumbangan dan dedikasi dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam, baik dalam pelaksanaan tugas rasmi mahupun penglibatan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan berdasarkan prestasi tahunan bagi tahun 2023.



Setiap penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan sijil penghargaan dan wang tunai bernilai RM1,000.00.

Pada masa yang sama juga, MBSJ turut meraikan 16 orang pesara yang terdiri daripada 10 orang pesara wajib, 5 orang pesara pilihan dan 1 orang pesara kontrak. Mereka menerima sijil penghargaan dan wang saguhati bernilai RM700 dan RM500 dari Kelab Sukan dan Kebajikan MBSJ atas perkhidmatan mereka sepanjang bertugas di MBSJ.

MBSJ juga turut memberi pengiktirafan khas iaitu Anugerah Khas Datuk Bandar, Anugerah Khas Inovasi dan Anugerah Khas Sukan yang telah mengharumkan nama MBSJ di peringkat negeri seterusnya di persada antarabangsa.

MBSJ merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 dan semoga melalui anugerah ini akan menyuntik semangat untuk pergi lebih jauh dan berkhidmat dengan lebih cemerlang.





Geng Subuh Macam Jumaat Cipta Kelainan di Hari Tanpa Kenderaan MBSJ 2024



Keheningan subuh dipecahkan dengan kehadiran 300 jemaah yang menyertai Program Geng Subuh Macam Jumaat yang buat julung kalinya diadakan di Masjid Putra Heights bersempena dengan Hari Tanpa Kenderaan MBSJ 2024 pada 4 Februari 2024.

Program tersebut merupakan salah satu daripada program yang telah disusun bagi menjayakan Hari Tanpa Kenderaan MBSJ. Uniknyanya pada tahun ini, lokasi program telah bertukar ke lokasi yang lebih luas bertempat di Taman Komuniti Putra Heights, Jalan Putra Mahkota 7/4 bermula jam 6.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi.

Pelbagai aktiviti menarik telah berjaya dilaksanakan pada hari tersebut seperti Acara Kayuhan Santai (Urban 30KM Ride), Pertandingan Memanah, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, aktiviti larian dan berjalan, Bazar Sarapan, Pasar Karloot, Perkhidmatan Kaunter Bergerak Hasil MBSJ, Kaunter Mesra Rakyat, Pameran dari Jabatan MBSJ serta agensi luar serta cabutan bertuah untuk para pengunjung.

MBSJ juga turut memperkenalkan aktiviti baharu seperti Sukan Rakyat (Congkak, Lari dalam guni dan Sepakan penalti berkain pelikat), Sepak Raga Bulatan Challenge, Kids Obstacle Challenge, Fitness Challenge, Eco Free Market, Eco Explorace serta turut diadakan Demonstrasi Kawalan Jauh (RC Helicopter).

Dalam program yang sama juga, turut diadakan Majlis Perasmian Taman Komuniti Putra Heights yang berkeluasan 3.07 hektar yang telah siap dibina pada Disember 2023 dengan kos RM3.2 juta.



MBSJ Terima Pengiktirafan Diamond



Konsisten dengan usaha mengurangkan kadar pelepasan karbon di kawasan pentadbiran khususnya di Bandar Sunway, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah dianugerahkan pengiktirafan Diamond semasa berlangsungnya Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 pada 7 Februari 2024 bertempat di M Resort & Hotel Kuala Lumpur.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi Bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menerima pengiktirafan tersebut yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Pengiktirafan ini diterima oleh MBSJ hasil usaha mengurangkan pelepasan Gas Rumah Kaca sebanyak 16.99% sejak 2018 bersamaan dengan 24,080.36 tCO₂eq dan telah berjaya meningkatkan potensi penyerapan karbon sebanyak 13.87% kepada 665.83 tCO₂eq / tahun.



Majlis ini telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), melalui Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) yang mengiktiraf usaha dan komitmen berterusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan organisasi dalam memajukan pembangunan bandar yang mampan dan rendah karbon.

Ia juga selaras dengan komitmen negara mencapai sasaran pengurangan pelepasan

gas rumah kaca sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030 dan menyokong aspirasi negara mencapai pelepasan karbon sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050.

Penerima anugerah terdiri daripada PBT dan organisasi yang telah melaksanakan inisiatif pengurangan pelepasan GHG menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (Low Carbon Cities 2030 Challenge - LCC2030C).

20 Syarikat Luang Masa Sertai Sesi Libat Urus



Sebanyak 20 syarikat pengiklanan luaran dari Persatuan Iklan Luaran Malaysia telah hadir ke Program Libat Urus MBSJ bersama Persatuan Syarikat Iklan Luaran Malaysia Bagi Tahun 2024 pada 13 Februari 2024 bertempat di Sunway Resort Hotel.

Program ini dilaksanakan bagi menyampaikan taklimat mengenai Garis Panduan Iklan Luaran MBSJ 2023 yang terkini serta mendapatkan input-input dari para peserta mengenai penambahbaikan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luaran MBSJ.

Encik Mareshvaran Starling, Presiden Persatuan Iklan Luaran Malaysia turut meluangkan masa hadir ke sesi libat urus ini. Turut serta adalah Encik Mohd Farid Shaharir, wakil dari Pejabat Tanah dan Daerah Petaling serta Ketua-Ketua Jabatan MBSJ.



Adalah diharapkan, penganjuran program ini dapat mengeratkan hubungan dua hala di antara MBSJ serta pihak pengiklanan seterusnya dapat menarik lebih ramai operator iklan luaran untuk membina struktur papan iklan luaran dalam Bandaraya Subang.





Kaunter PADU Dibuka Beri Kemudahan



Dalam usaha memberi kemudahan kepada kakitangan serta penduduk setempat, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor telah membuka Kaunter Khas PADU pada 13 Februari 2024 bertempat di Ibu Pejabat MBSJ.

Inisiatif ini diambil sebagai langkah membantu kakitangan yang mempunyai masalah pengisian serta memastikan semua warga MBSJ melaksanakan pengisian Pangkalan Data Utama (PADU) ini.

YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut berkesempatan hadir ke kaunter untuk melihat proses pengisian dan kemaskini maklumat dan data oleh kakitangan MBSJ ke dalam (PADU).

MBSJ juga turut membuka kaunter PADU di beberapa lokasi yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ

Pangkalan Data Utama (PADU), merupakan satu sistem di mana ianya mengandungi



profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Maklumat profil ini akan diperolehi melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber.

PADU merupakan pangkalan data utama negara yang selamat dan komprehensif ke arah digitalisasi dan penghasilan analitik yang tepat bagi memastikan rakyat yang layak mendapat manfaat tidak tercicir daripada menerima subsidi bersasar, bantuan dan perlindungan sosial melalui sistem ini.

ADN Kinrara Turun Padang Sertai Program *Walkabout* MBSJ Bantu Didik Peniaga

Pada 15 Mac 2024 Majlis Bandaraya Subang telah mengadakan Program Walkabout bertempat di bazar Ramadan Puchong Indah, Puchong.

Program 'walkabout' adalah bertujuan untuk menyantuni peniaga dan pengunjung bazar selain mendidik dan mempromosikan inisiatif terkini yang telah dijalankan di bawah kawasan pentadbiran MBSJ kepada komuniti sekitar.

Turut hadir adalah YB Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, MBSJ.

Dalam program ini, YB Tuan Ng Sze Han, ADN Kinrara dan Timbalan Datuk Bandar, MBSJ berkesempatan menyantuni dan mengagihkan bubur lambuk dan kurma kepada peniaga dan pengunjung bazar.



PENERIMA ANUGERAH EMAS

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



MBSJ Rangkul Anugerah Emas

AIGA 2023

MBSJ berjaya merangkul Anugerah Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 pada 29 Februari 2024 bertempat di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Untuk makluman, AIGA adalah anugerah yang bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada organisasi awam dan swasta yang komited dalam membudayakan integriti, tadbir urus terbaik, dan inisiatif antirasuah dalam organisasi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang AIGA 2023. Semoga usaha yang cemerlang ini dapat diteruskan di masa hadapan



Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih

Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus



Sememangnya MBSJ amat menghargai segala jasa dan bakti yang dicurahkan oleh beliau bagi memastikan infrastruktur di kawasan MBSJ berada di tahap cemerlang.

Justeru itu, bagi menghargai penat lelah serta komitmen beliau yang tidak berbelah bagi, MBSJ telah mengadakan Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih Tuan Ir. Rosli Bin Mohammad Yunus pada 13 Februari 2024 bertempat di Bilik Jamuan, Ibu Pejabat MBSJ.

YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah hadir ke majlis tersebut. Turut serta Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MBSJ.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus dan didoakan semoga beliau sihat dan terus sukses dalam apa jua bidang yang diceburi.



Kem Inovasi Cungkil Idea Baru



Seramai 46 orang kakitangan MBSJ telah menyertai Kem Inovasi Dan Pembangunan Kreativiti MBSJ 2024 yang telah berlangsung pada 19 – 21 Februari 2024 bertempat di Noble Resort Hotel, Melaka.

Kem ini diadakan bertujuan untuk melahirkan modal insan yang dapat menambahbaik serta memperkasa kualiti perkhidmatan melalui cetusan idea yang kreatif dan inovatif di dalam setiap aspek kerja di mana ianya akan memberikan impak yang positif dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti MBSJ.

Dalam program ini, kesemua kakitangan yang terpilih telah dilatih oleh pakar dan mereka telah diberikan taklimat serta panduan dalam menghasilkan idea baharu serta tatacara pendokumentasian idea tersebut.



Berganding Bahu

Pastikan Kebersihan Perkuburan MBSJ



Aspek kebersihan amat dititikberatkan dalam agama Islam. Menyedari hakikat tersebut, MBSJ telah menganjurkan Majlis Bacaan Tahlil dan Program Gotong-Royong Bersama Ahli Kariah Masjid pada 24 Februari 2024 bertempat di Tanah Perkuburan Islam USJ 22, Subang Jaya.

Program gotong-royong ini telah diadakan oleh MBSJ dengan kerjasama dari Masjid Nurul Huda serta masjid-masjid lain dengan matlamat untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan perkuburan.

YBrs. Encik Khairol Basri bin M Arif, Ahli Majlis MBSJ telah meluangkan masa hadir ke program ini. Turut serta YBrs. Encik Ismail bin Salim, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ serta warga kerja MBSJ.

Pihak majlis mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan tenaga yang diberikan. Semoga program ini dapat merapatkan silaturrahim di antara pengurusan tanah perkuburan MBSJ bersama dengan pihak kariah masjid.





Warna-

AKTIVITI MPP BULAN

JANUARI

MPP ZON 1



27.1.2024 (SABTU)
CHINESE NEW YEAR CANVAS WORKSHOP
 BALAI MASYARAKAT SS19

MPP ZON 4



10.1.2024 (RABU)
PENYERAHAN KOTAK MAKANAN KEPADA KEDUTAAN TIMOR LESTE

NEW ERA WAREHOUSING SDN. BHD. SUBANG 8

MPP ZON 9



16, 18 & 21.1.2024 (SELASA)
TOTAL BODY TONING
 BALAI MASYARAKAT MPP ZON 9

MPP ZON 10



22.1.2024 (ISNIN)
GOTONG ROYONG
 PANGSAPURI TKK FASA A

MPP ZON 13



5.1.2024 (JUMAAT)
SUMBANGAN ZIARAH KASIH
 PEJABAT AHLI MAJLIS MPP 13



4.2.2024 (AHAD)
PROGRAM HIKING TRAIL CLEANING BUKIT WAWASAN BERSAMA GMO
 BUKIT WAWASAN

MPP ZON 17



3.2.2024 (SABTU)
PERLAWANAN PERSAHABATAN KG. ORANG ASLI VS SAUJANA PUCHONG FC
 PADANG BOLA SEPAK KG. ORANG ASLI SG. RASAU HILIR

MPP ZON 21



9.3.2024 (SABTU)
KEJUHANAN PIALA CINTA SERDANG (PING PONG BERPASUKAN)
 DEWAN SERBAGUNA SERI KEMBANGAN

MPP ZON 22



8.3.2024 (JUMAAT)
CINTA DIRI, KEKUATAN SEJATI SAMBUTAN HARI WANITA
 GELANGGANG BOLA KERANJANG SK6/1

MAC

MPP ZON 3



9.3.2024 (JUMAAT)
PROGRAM BACK TO SCHOOL
 SMK USJ 13, SK DATO ONN JAAFAR, SJK T TUN SAMBANTHAN, SJK T LADANG SEAFIELD & USJ 20

MPP ZON 6



22.3.2024 (JUMAAT)
EDARAN BUBUR LAMBUK
 ONE CITY

Warna Komuniti

JANUARI • FEBRUARI • MAC 2024

MPP ZON 7



28.1.2024 (AHAD)
AGIHAN LIMAU TAHUN BARU
CINA BERSAMA YB PREAKAS
 PUTRA POINT PUTRA HEIGHTS

MPP ZON 8



27.1.2024 (SABTU)
KLINIK KESIHATAN BERGERAK
 BALAI MASYARAKAT MPP 8

FEBRUARI

MPP ZON 14



6.2.2024 (SELASA)
PROGRAM ZIARAH MANGSA
BENCANA RIBUT
 BLOK A12 TAMAN PUCHONG
 PERMAI

MPP ZON 15



17.2.2024(SABTU)
PROGRAM FREE MARKET &
BACK TO SCHOOL
 DEWAN SERBAGUNA KG. SRI
 AMAN

MPP ZON 18



9.2.2024
(JUMAAT)
KEBUN KOMUNITI
PUNCAK JALIL
 KEBUN KOMUNITI
 PUJ 2

MPP ZON 19



8.2.2024
(KHAMIS)
SAMBUTAN
TAHUN BARU
CINA BERSAMA
KRT LEP4
 DEWAN
 SERBAGUNA
 GEORGE LIM

MPP ZON 20



5.2.2024 (ISNIN)
KEBUN
KOMUNITI
 FLAT SRI
 SERDANG

MPP ZON 23



2.3.2024 (SABTU)
PROGRAM TARIAN
HAN BERIRAMA
 DEWAN 3K SERDANG
 RAYA

MPP ZON 24



16.3.2024 (SABTU)
PROGRAM HARI WANITA
SEDUNIA
 PASAR PAGI TAMAN SG.
 BESI INDAH

MPP ZON 11



9.3.2024 (KHAMIS)
PROGRAM BACK TO
SCHOOL
 BALAI MASYARAKAT
 BUKIT KUCHAI 19

MPP ZON 12



2.3.2024 (SABTU)
PROGRAM KONVOI MOTOR
FREE PALESTINE
 MASJID TABUNG HAJI
 KUALA LUMPUR



Masyarakat P



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2024 peringkat MBSJ pada 1 Mac 2024 bertempat di Tapak Pasar Pagi MBSJ, Jalan TK 3/17, Taman Kinrara, Puchong.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ng Sze Han EXCO Pelaburan, Perdagangan & Mobiliti Merangkap Ahli Dewan Negeri, Kinrara bersama-sama YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi





Kepelbagai Kaum Meriahkan Sambutan Tahun Baru Cina

MBSJ 2024



Bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ serta YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk MBSJ.

Turut hadir adalah YB Puan Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong, YB Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi, ADN Seri Serdang, YB Puan Wong Siew Ki, ADN Seri Kembangan, Ahli-ahli Majlis MBSJ, ketua-ketua Jabatan MBSJ, rakan media serta komuniti bandar raya.

Program ini diadakan sebagai salah satu khidmat komuniti MBSJ dalam meraikan komuniti bandar raya di samping mengeratkan hubungan silaturrahim dengan kepelbagaian budaya selaras dengan Sustainable Development Goals (SDGs), SDG 11: Sustainable Cities and Communities.

Pada majlis tersebut tiga (3) badan bukan kerajaan (NGO) yang terpilih telah menerima sumbangan istimewa bagi membantu meringankan beban ditanggung pengurusan persatuan.

Terdapat beberapa pengisian menarik pada majlis tersebut antaranya MBSJ telah mengedarkan kupon makanan bernilai RM15.00 kepada 800 pengunjung yang terawal untuk menikmati makanan dan minuman di kendera saji (food truck) yang disediakan.

Majlis ini turut diserikan dengan persembahan seni budaya, tarian naga, pemberian sumbangan 'angpow' kepada komuniti golongan B40, warga emas dan persembahan bunga api yang meriah.

MBSJ akan terus komited dalam membantu dan meraikan komuniti bandar raya. Terima kasih kepada komuniti yang hadir dan memeriahkan majlis ini.



Tindakan Serta Merta **MBSJ Sita Barangan Penjaja Warga Asing**



MBSJ telah melaksanakan operasi di jalan Jalan PP 44 Taman Pinggiran Putra, Seri Kembangan pada 2 Mac 2024.

Dalam operasi tersebut, seramai 6 penjaja warga asing telah dikenakan tindakan sitaan barangan perniagaan serta diberi amaran lisan agar tidak lagi mengulangi kesalahan yang sama dan kesemua barangan yang disita telah disimpan untuk tindakan rekod dan dokumentasi.



Sesi Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Bersepadu 2024

21 Jabatan Dalaman MBSJ Beri Komitmen



Pada 4 hingga 6 Mac 2024 telah berlangsung Sesi Auditan Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) ISO 9001:2015, ISO/IEC 27001:2022, ISO 37001:2016 & MS 1900:2014 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Sesi pembukaan audit telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk MBSJ telah diketuai oleh Encik Mohd Mauududi bin Muhammad Noor selaku Ketua Auditor bersama SIRIM dan barisan panel penilai daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan dibantu oleh Inspektorat Kualiti Dalaman MBSJ.

Sebanyak 21 jabatan dalaman telah terlibat dalam proses pengauditan ini. Ketua Pasukan Audit SIRIM memaklumkan bahawa MBSJ telah berjaya mengekalkan pensijilan bagi SPB.

YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk MBSJ merakamkan setinggi penghargaan kepada semua yang telah terlibat sepanjang auditan dijalankan.

Adalah diharapkan semua kakitangan dapat mengekalkan kecemerlangan dan pencapaian di masa hadapan.



MBSJ Terima **Lawatan Penandaarasan** Daripada **Majlis Perbandaran Manjung**



MBSJ amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Majlis Perbandaran Manjung ke Ibu Pejabat MBSJ yang telah diketuai Encik Hasnizam bin Dakir, Pengarah Kanan, Unit Undang-Undang dan Intergriti, Majlis Perbandaran Manjung pada 4 Mac 2024 yang lalu.

Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat pelaksanaan penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan COB MBSJ.

Adalah diharapkan melalui lawatan ini, para delegasi akan dapat mengimplimentasikan amalan terbaik dalam pengurusan dan tugas di agensi.



Perhimpunan Bulanan MBSJ Bil. 3/2024


Dihoskan Oleh Jabatan Perancangan Bandar



Perhimpunan Bulanan MBSJ bagi bulan Mac telah berlangsung pada 6 Mac 2024 bertempat di Arena MBSJ yang telah dihoskan oleh Jabatan Perancangan Bandar.

YBhg. Dato'Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut hadir bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBSJ telah hadir pada perhimpunan kali ini.

Datuk Bandar telah menyampaikan ucapan dan menyeru agar seluruh warga kerja MBSJ untuk lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta sentiasa mengambil berat tentang semua elemen termasuk fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar sewaktu melaksanakan tugas. Selain itu, turut diadakan majlis penyampaian anugerah kepada kakitangan yang telah mengharumkan nama MBSJ. Sempena bulan Ramadan yang akan menjelang tiba semua warga kerja MBSJ menerima sumbangan pek kurma daripada pihak pengurusan MBSJ.





Edisi 03 – Penganjuran Focus Group Discussion (FGD)

Bagi Penghasilan Laporan *Voluntary Local Review (VLR) & SDG's Subang Jaya City Roadmap*



MBSJ dengan kerjasama URBANICE Malaysia telah menganjurkan Focus Group Discussion (FGD): Voluntary Local Review (VLR) & SDG's Subang Jaya City Roadmap (Siri 3) bertempat di The Saujana Hotel Kuala Lumpur pada 5 Mac 2024.

Sesi FGD ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ dan Dr Azmizam Bin Abdul Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, Ahli – Ahli Majlis, Ketua Jabatan MBSJ, agensi kerajaan, agensi NGO, pemaju serta institusi pendidikan.

Program ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan Voluntary Local Review (VLR) dan SDG's Subang Jaya City Roadmap serta menganalisa data dan penentuan pencapaian SDG selari dengan



Agenda 2030 Sustainable Development Goals.

Seramai 100 orang peserta yang hadir telah memberikan sepenuh komitmen serta memberikan maklumbalas yang konstruktif

sepanjang sesi ini berlangsung .

Adalah diharapkan data dan maklumat yang dikumpul dapat digunakan dalam penyediaan pelaporan bagi mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG).





Tengku Permaisuri Berkenan Hadir Program Potong Royong



Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor telah berkenan berangkat ke Program Potong Royong yang telah diadakan di Dewan Serbaguna MBSJ SS15 pada 6 Mac 2024.

Program Potong Royong merupakan kempen pemandulan kucing anjuran Society For The Prevention Of Cruelty To Animals (SPCA) Selangor bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Pejabat ADN Subang Jaya, Pejabat ADN Kota Kemuning, (MBSJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA).

Program ini merupakan salah satu inisiatif memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung kepentingan pemandulan kucing dan anjing serta menyayangi haiwan peliharaan. Pemandulan kucing dapat mengelakkan risiko tumor dan barah mamari (kelenjar susu), jangkitan rahim bernanah (pyometra) dan kurang risiko berjangkit seperti leukemia kucing.

Selain itu, program ini dapat mengurangkan kompilasi kepada kucing yang berkeliaran tanpa pemilik serta salah satu alternatif kawalan populasi kucing kerana kucing merupakan haiwan yang mudah membiak.

Tengku Permaisuri turut berkenan mengunjungi aktiviti seperti pameran, pemeriksaan kesihatan kucing, pendidikan penjagaan kucing, penerangan kepentingan

pemandulan kucing diiringi oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YB Puan Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, YB Tuan Preakas A/L Sampunathan, ADN Kota Kemuning, Shah Alam dan Puan Christine Chin, Pengerusi SPCA Selangor.





Jalan Sambung di antara Persiaran Taman Perindustrian Kinrara dan Jalan BK 5B, Puchong **Dibuka Beri Manfaat Kepada Penduduk Setempat Atasi Kesyakan Lalulintas**



Pada 7 Mac 2024 telah berlangsung Majlis Perasmian Jalan Sambung di antara Persiaran Taman Perindustrian Kinrara dan Jalan BK 5B, Puchong, Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri Kinrara bersama YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar, Puan Mas Sakdah Kamaruzzaman, Ketua Penolong Pegawai Pembangunan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Ahli-ahli Majlis, wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

(Zon Petaling, Selangor), IPD Serdang dan ketua-ketua Jabatan MBSJ.

Projek jalan sambung ini adalah bagi membantu penyuraian kesesakan lalulintas di Lebuhraya Bukit Jalil sekaligus menyediakan laluan alternatif kepada penduduk setempat dalam membantu mengurangkan kesesakan di sekitar kawasan tersebut serta memberi manfaat kepada kira-kira lebih 100,000 penduduk termasuk premis perniagaan dan perumahan sekitarnya.

Projek penyambungan jalan sepanjang 230 meter itu mula dibina pada 8 Februari 2023 dan siap pada 14 Februari 2024 dengan kos pembinaan projek yang menelan belanja RM3 juta



Antara skop dilaksanakan seperti kerja pembersihan tapak dan tanah, pembinaan sistem saliran (longkang), jalan dan perabot jalan, lampu jalan serta pengukuhan cerun sejajar dengan keadaan di tapak.



MBSJ Prihatin Kesihatan Pekerja, **Anjur Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma**



MBSJ dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling telah menganjurkan Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma kepada seramai 137 warga kerja MBSJ bertempat di Dewan Kenanga MBSJ pada 6 Mac 2024.

Program Inisiatif Saringan Kesihatan ini diadakan bagi memastikan

warga kerja MBSJ mendapatkan maklumat dan mengetahui faktor risiko kesihatan penyakit tidak berjangkit.

Adalah diharapkan program seperti ini dapat membantu Warga Kerja MBSJ meningkatkan kesihatan diri dan sentiasa peka dengan tahap kesihatan masing-masing.

Selamat Datang ke Bazar Ramadan USJ 4

Bersama GAS PETRONAS

Datuk Bandar MBSJ Dekati Masyarakat di Bazar Ramadan USJ 4



Pada 20 Mac 2024 MBSJ telah mengadakan Program 'Walkabout' Bazar Ramadan MBSJ, USJ 4, Subang Jaya, Selangor.

Program 'walkabout' yang dianjurkan pada setiap tahun ini adalah bertujuan untuk menyantuni peniaga dan pengunjung bazar selain mendidik dan mempromosikan inisiatif terkini yang telah dijalankan di bawah kawasan pentadbiran MBSJ kepada komuniti sekitar.



Pada program tersebut turut diadakan Majlis Perasmian Program Minyak Masak Terpakai bersama PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) dan MBSJ. Untuk makluman, MBSJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Negeri Selangor yang telah bekerjasama dengan PDB bagi menjayakan projek rintis ini.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya serta Puan Harlinabinti Pikri, Pengurus Besar, Bahagian Strategik & Kelestarian, PETRONAS Dagangan Berhad (PDB).



Program Minyak Masak ini adalah bertujuan mengembangkan potensi penghasilan biobahan api yang lestari menggunakan minyak masak terpakai bagi mengurangkan kadar pelepasan gas rumah kaca (GRH).

Bertemakan 'Kumpul, Jana dan Dapatkan Wang Tunai' ini telah dilaksanakan sepanjang tempoh aktiviti Bazar Ramadan iaitu pada

setiap hari Sabtu bermula jam 5.00 petang hingga 7.00 malam dan peniaga yang mengambil bahagian akan diberikan bayaran wang tunai sebanyak RM3/per kg serta diberikan 'Jerry Can' secara percuma untuk setiap kutipan minimum 10kg dan pihak PETRONAS juga telah memberikan pertukaran tong gas secara percuma sebanyak dua (2) kali kepada peniaga di

empat (4) lokasi bazar ramadan yang terpilih pada setiap hari Isnin, Khamis dan Sabtu.

Dalam program ini, Datuk Bandar turut berkesempatan melawat ke khemah PETRONAS, kawasan sekitar gerai-gerai Bazar Ramadan serta tempat pengumpulan makanan lebihan bazar bagi tujuan amal oleh Pertubuhan What A Waste (WaW).

MBSJ Terima Lawatan Antarabangsa Daripada **Delegasi Gunwi County Council, Korea**



MBSJ berbesar hati menerima lawatan penandaarasan antarabangsa daripada delegasi Gunwi County Council, Korea ke Ibu Pejabat MBSJ pada 31 Januari 2024. Lawatan ini telah diketuai oleh Mr. Seo Dae Sick, Vice Chairman, Gunwi County Council, Korea.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah sudi meluangkan masa mengalu-alukan kunjungan tersebut serta menyantuni delegasi yang hadir.

Seterusnya, para delegasi telah diberikan penerangan mengenai perkhidmatan MBSJ serta taklimat tentang Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ. Para delegasi turut dibawa melawat ke Pusat Kawalan dan Pusat Panggilan MBSJ serta turut berkesempatan menyaksikan pembukaan Mesyuarat Penuh MBSJ Bil 1/2024.

Semoga melalui sesi perkongsian ini akan dapat memberikan manfaat serta memperkasakan lagi rangkaian kerjasama strategik kedua-dua organisasi.



MBSJ Sambut **Delegasi MPKJ**



MBSJ mengalu-alukan kehadiran delegasi Ekosistem Kondusif Sektor Awam(EKSA) dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ke Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 13 Februari 2024.

Delegasi yang diketuai oleh Encik Kamarul Izlan Bin Sulaiman, Pengarah, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah hadir ke MBSJ untuk mempelajari serta berkongsi maklumat dan idea berkaitan program-program EKSA yang telah dilaksanakan di peringkat MBSJ. Mereka juga turut berkesempatan dibawa meninjau sekitar kawasan di Ibu Pejabat MBSJ.



Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Pulau Pinang MBSJ Kongsi Amalan Terbaik Pengurusan Kawalan Perniagaan Dan Pelesenan



Majlis Bandaraya Subang Jaya amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang - MBPP yang diketuai Encik oleh Tan Soo Siang, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang bertempat di Ibu Pejabat MBSJ pada 7 Mac 2024.

Tujuan lawatan ini adalah bagi berkongsi amalan terbaik dan kaedah strategik yang digunakan oleh agensi dalam mentadbir bandar raya khususnya di dalam pengurusan kawalan perniagaan dan pelesenan.



MBSJ Terima Lawatan Kerja Daripada Perbadanan Labuan



Pada 12 Mac 2024 MBSJ telah menerima lawatan kerja daripada Perbadanan Labuan ke Ibu Pejabat MBSJ.

Lawatan kerja ini diketuai oleh Puan Norsiah Binti Udin, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Perbadanan Labuan dan Ucapan aluan disampaikan oleh Sr Faudzi bin Nazaruddin, Timbalan Pengarah, JPPH.



Sesi taklimat dan penerangan mengenai kaedah Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih berdasarkan manual dalam garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya

Subang Jaya (MBSJ) telah disampaikan oleh Cik Adibah binti Abdullah, Penolong Pengarah Kanan (Pengurusan Harta).

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN?

BAYAR SEGERA SEBELUM

• PENGKAL 1 : 28 FEBRUARI 2024 • PENGKAL 2 : 31 OGOS 2024



ELAKKAN DARIPADA
DIKENAKAN NOTIS,
TINDAKAN
UNDANG-UNDANG
DAN HARTA

DISITA

- ! Tiada pengeposan bil Cukai Taksiran bermula 2021
- ! Sila kemaskini no. tel bagi menghantar peringatan musim pembayaran cukai
- ! Semak & boleh muat turun (download) bil Cukai Taksiran terkini di:

<https://ezy.mbsj.gov.my>

Sila Hubungi: 03-8026 3286/4316/7470/7466/3285
Email: unit-cukai@mbsj.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.